

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**JKE 413 - Analisis Ekonomi Islam**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B. Anda dikehendaki menjawab SEMUA bahagian soalan 1 dalam Bahagian A dan DUA soalan dalam Bahagian B.

Jangan ceraikan mana-mana muka surat soalan ini kerana anda WAJIB menyerahkan kembali keseluruhan kertas soalan ini setelah tamat peperiksaan ini.

Jawapan Bahagian A hendaklah ditulis pada ruang-ruang kosong yang disediakan di dalam kertas soalan ini. Bahagian ini menyumbangkan 60 markah. Baca arahan setiap bahagian tentang cara menjawab soalan itu sebelum anda menjawab. Ikatkan jawapan anda kepada Bahagian A dengan jawapan kepada Bahagian B.

Jawapan soalan Bahagian B hendaklah ditulis pada kertas jawapan peperiksaan yang disediakan. Bahagian ini menyumbangkan 40 markah.

Markah dalam kurungan merupakan wajaran yang diberikan kepada setiap soalan. Oleh itu bahagikan masa anda mengikut wajaran yang digariskan itu.

Mesin hitung elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk peperiksaan ini.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

...2/-



BAHAGIAN A [60 markah]

Jawab SEMUA soalan dalam bahagian ini.

1. [ a ] Nyatakan secara ringkas makna dan takrifan ekonomi Islam dari segi kaitannya dengan konsep-konsep berikut:

i. *Al-falah:*

---

---

---

---

---

ii. *Ilmu:*

---

---

---

---

---

iii. *Amali:*

---

---

---

---

---

(6 markah)

...3/-

[ b ] Apakah LIMA syarat ekonomi untuk mencapai *al-falah* menurut fahaman ekonomi Islam?

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_
- iv. \_\_\_\_\_
- v. \_\_\_\_\_

(5 markah)

[ c ] Jelaskan secara ringkas konsep-konsep berikut dalam ekonomi Islam:

i. Asas Keimanan:

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

ii. *Ihsan*:

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

iii. Peranan *Akhirat*:

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(3 markah)

...4/-

[ d ] Berikan TIGA di antara pandangan ekonomi tradisional tentang manusia yang dipertikaikan oleh perkaedahan ekonomi Islam.

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_

(3 markah)

[ e ] Apakah LIMA perkara yang berkait dengan keadilan kepada masyarakat menurut pandangan Islam?

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_
- iv. \_\_\_\_\_
- v. \_\_\_\_\_

(5 markah)

[ f ] Terangkan secara ringkas makna prinsip kesepaduan dalam ekonomi Islam dari segi konsep rezeki, tanggungjawab manusia, hak pemilikan mutlak dan juga implikasinya:

---

---

---

---

---

(5 markah)

...5/-

[ g ] *Syari'at* Islam boleh dibahagikan kepada EMPAT cabang utama terdiri daripada:

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_
- iv. \_\_\_\_\_


(4 markah)

[ h ] Akram Khan menggariskan kriteria penentuan sistem ekonomi berdasarkan kepada cara sistem itu menjawab LIMA persoalan pokok berikut:

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_
- iv. \_\_\_\_\_
- iv. \_\_\_\_\_

(5 markah)

[ i ] Antara ENAM rukun *al-mudarabah* dalam ekonomi Islam:



(5 markah)

...6/-

[ j ] Umer Chapra telah menggariskan DUA fungsi ataupun tanggungjawab kerajaan dalam ekonomi Islam. Apakah fungsi-fungsi tersebut?

i. \_\_\_\_\_

ii. \_\_\_\_\_

(4 markah)

[ k ] Konsep *al-bai'* digunakan dalam urusan jual beli dalam Islam. LIMA unsur yang mesti wujud dalam satu kontrak *al-bai'* ialah:

i. \_\_\_\_\_

ii. \_\_\_\_\_

iii. \_\_\_\_\_

iv. \_\_\_\_\_

v. \_\_\_\_\_

(5 markah)

[ l ] Jelaskan secara ringkas TIGA kelompok *maqasid al-syari'ah* menurut Syatibi seperti yang berikut. Berikan contoh yang sesuai.

i. *Daruriyat*

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

ii. *Hajiyat:*

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

...7/-

iii. *Tahsiniyat*:

---

---

---

---

(6 markah)

[ m ] Senaraikan EMPAT daripada tujuan-tujuan Zakat dalam Islam.

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_
- iv. \_\_\_\_\_

(4 markah)

...8/-



## BAHAGIAN B [40 markah]

Jawab DUA soalan sahaja.

2. (a) Berikan kritikan ringkas tentang rasionaliti ekonomi barat menggunakan perspektif ekonomi Islam.  
(6 markah)
- (b) Huraikan makna rasionaliti ekonomi Islam dengan membincangkan konsep kejayaan, skala ufuk masa, konsep kekayaan, konsep barangan dan etika penggunaan menurut pandangan ekonomi Islam.  
(7 markah)
- (c) Bincangkan bagaimana seorang pengguna Muslim menggunakan perbelanjaannya untuk mengoptimumkan utilitinya. Tumpukan perbincangan anda kepada kaitan penggunaan Muslim itu dengan dosa dan pahala.  
(7 markah)
3. (a) Bagaimanakah pandangan Islam tentang mekanisme pasaran, sistem harga dan “tangan tak tampak”? Bincangkan secara ringkas.  
(6 markah)
- (b) Bincangkan ciri-ciri utama yang membezakan konsep “permintaan berkesan” daripada konsep “keperluan berkesan.” Apakah benar pelaksanaan konsep “keperluan berkesan” dan konsep “penawaran berasaskan kapasiti potensi” dapat memberikan keputusan pasaran yang lebih baik daripada kaedah ekonomi lazim? Terangkan.  
(7 markah)
- (c) Secara ringkas bincangkan teori pengeluaran Islam dari sudut, objektif pengeluaran, motivasi dan penentuan output, dan keseimbangan firma.  
(7 markah)

...9/-

4. (a) Apakah makna *al-bai'* dalam ekonomi Islam? Apakah rukun-rukun *al-bai'*? Berikan penjelasan ringkas tentang jenis-jenis *bai'* yang dibenarkan dalam Islam. Apakah perkara-perkara yang boleh menyebabkan sesuatu kontrak *al-bai'* itu menjadi *haram*?

(7 markah)

- (b) Bagaimanakah pendirian *syari'ah* bersabit dengan pembiayaan ekuiti? Apakah aspek-aspek ekonomi dalam kehidupan yang memerlukan pembiayaan hutang?

(6 markah)

- (c) Dalam Surah *al-Nisaa'* ayat 29, Allah berfirman:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesama kamu dengan jalan yang *batil* (salah), kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku suka sama suka di antara kamu.”

Apakah kaitan ayat ini dengan *riba*? Apakah yang dimaksudkan dengan *riba*? Bincangkan secara kasar pengkelasan jenis-jenis *riba* dalam Islam.

(7 markah)

oooOooo